

## Hubungan antara Kelompok : Rujukan kepada Buku *Sejarah Melayu*

MOHAMMAD HAJI-YUSUF

### ABSTRAK

*Artikel ini menggunakan buku teks Sejarah Melayu untuk menyingkap psikologi orang Melayu dengan mengkaji hubungan antara kelompok yang melibatkan orang Melayu dengan suku atau rumpun Melayu lainnya dan juga di antara orang Melayu dengan kelompok bukan Melayu. Kajian hubungan antara kelompok ini akan menjelaskan norma dan nilai yang dominan dalam satu konteks sejarah yang khusus. Dalam perkara ini, prinsip utama yang mencorakkan dan mengatur hubungan intra dan juga di antara kelompok ialah ketaksamaan dan perbezaan dari segi kedudukan dan status yang berakar kepada sumpah setia di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di bahagian awal buku sejarah Melayu.*

### ABSTRACT

*This article uses the classical Malay text of Sejarah Melayu (Malay Annals) to determine the psychological aspect of the Malays by examining both intra and inter group relationships. The relationships observed are between the Malay group and other ethnic groups within the Malay race and also with the non-Malays. This study shows that the binding principles that determine or influence intra and intergroup relationship are inequality and status differential which were rooted in the oath of loyalty made between Sang Sapurba and Demang Lebar Daun at the opening chapter of Sejarah Melayu.*

### PENDAHULUAN

Kajian mengenai hubungan manusia boleh meliputi dua aspek yang luas. Pertama, hubungan antara orang perseorangan (intrapersonal relations) yang menjadikan individu sebagai unit analisisnya dan merujuk kepada perfungsi psikologikal melalui konsep-konsep seperti motif, persepsi, pembelajaran, ingatan, imaginasi dan seumpamanya. Kedua, hubungan antara kelompok (intergroup relations) yang merujuk kepada hubungan antara dua atau lebih kelompok berserta dengan ahli masing-masing. Sekiranya individu yang menjadi ahli sesuatu kelompok berinteraksi, sama ada secara kolektif atau individu, dengan kelompok lain atau ahli-ahlinya maka wujudlah tingkah laku antara kelompok (seperti amalan diskrimi-

nas) dan sikap antara kelompok (seperti prasangka). Hubungan ini boleh berbentuk persahabatan atau permusuhan, kerjasama atau persaingan, perikatan atau pecah-belah, perdamaian atau peperangan, dan seumpamanya.

Kedua-dua aspek di atas mempunyai hubungan antara satu sama lain. Namun demikian, perkembangan ilmu sains sosial dalam beberapa dekad yang lalu telah membawa beberapa perubahan. Antaranya, kajian psikologi antara kelompok telah memusatkan pandangan kepada peri pentingnya kaitan antara unit-unit atau bahagian-bahagian dengan sistem yang lebih besar lagi atau sistem *superordinate*. Pemahaman proses-proses yang berlaku pada sesuatu unit atau bahagian hanya boleh berjaya sekiranya dianalisis hubungannya dengan sistem yang lebih besar dan juga dianalisis ciri-ciri yang ada pada unit atau bahagian itu. Dengan ini, dua perkara didapati penting: pertama, konteks keseluruhan di mana unit atau bahagian itu berada, dan kedua, unit atau bahagian yang terlibat. Kegagalan mengambilkira kedua-dua tahap analisis ini boleh menghasilkan ralat dari segi membuat generalisasi mengenai unit atau bahagian, dan salah tafsiran mengenai kesignifikanan fungsi proses-proses yang diperhatikan.

## TUJUAN

Artikel ini bertujuan menyingkap psikologi orang Melayu dengan merujuk kepada aspek hubungan antara kelompok yang melibatkan orang Melayu dengan suku-suku 'Melayu' lain, dan orang Melayu dengan kelompok-kelompok bukan Melayu.

Apabila kita merujuk kepada hubungan antara kelompok maka hasil daripada manifestasi ahli-ahli beberapa kelompok yang berinteraksi itu, sama ada secara kolektif atau individu, ialah sikap dan tingkah laku antara kelompok. Kedua-duanya merupakan fakta penting psikologi yang dapat misalnya, menghuraikan norma tindakan positif atau negatif sesuatu kelompok ke atas kelompok lain, atau dapat menghuraikan stereotaip kelompok sendiri dan kelompok lain. Dalam konteks inilah diharap dapat kelak dikaitkan fakta-fakta penting psikologi orang Melayu dengan minda Melayu yang menjadi *superstructure*nya.

Untuk tujuan ini satu fasa perkembangan manusia Melayu akan dijadikan rujukan kerana adalah diandaikan bahawa manusia berubah dari masa ke masa. Fasa yang dimaksudkan di sini ialah fasa yang digambarkan oleh buku *Sejarah Melayu*. Dengan merujuk kepada fasa ini adalah diandaikan bahawa perubahan yang dinyatakan di atas tadi dapat dilihat bermula dari satu zaman yang agak awal dalam pembentukan dan perkembangan manusia Melayu. Adalah diharapkan bahawa kajian perintis ini dapat menjadi asas untuk melihat perubahan psikologi (lantas

minda) manusia Melayu dengan membandingkan dapatan-dapatan fasa ini dengan fasa-fasa lain.

### PENDEKATAN TEORITIKAL

Kelompok boleh didefinisikan sebagai satu unit sosial yang (1) mengandungi beberapa individu yang pada satu ketika mempunyai hubungan peranan dan ketergantungan status di antara satu dengan lain, dan (2) memiliki secara nyata mahupun terselindung satu set norma atau nilai yang mengatur tingkah laku ahli-ahlinya, sekurang-kurangnya dalam hal yang mempunyai konsekuen kepada kelompok itu. Hubungan antara kelompok, seperti yang dinyatakan di atas, merujuk kepada hubungan antara kelompok-kelompok seperti yang baru didefinisikan.

Hasil daripada interaksi antara kelompok maka wujudlah sikap dan tingkah laku antara kelompok. Terdapat beberapa cara yang boleh menghuraikan hubungan sikap dan tingkah laku antara kelompok (Freedman, Carlsmith & Sears 1970). Pertama, kelompok-kelompok itu mungkin bersaing untuk mencapai matlamat sepunya. Kejayaan bagi satu kelompok membawa erti bahawa kelompok yang satu lagi akan gagal (*zero sum*). Misalnya, satu kelompok itu mungkin mempunyai tuntutan ke atas kelompok lain dengan cara kelompok pertama itu mengurus atau mentadbir, mengawal atau mengeksploitasi, atau mengambil hak atau kepunyaan sebenar (atau kepunyaan yang diandaikan) daripada kelompok yang satu lagi. Sebaliknya, kelompok-kelompok itu mungkin pula mempunyai matlamat yang saling melengkapi (*complementary*), dengan setiap kelompok boleh mencapai matlamat masing-masing tanpa menjadi batu penghalang kepada pencapaian matlamat kelompok yang satu lagi.

Kedua, ada kalanya juga hubungan antara kelompok dihuraikan dengan menganalisis individu-individu yang telah mengalami kekecewaan atau telah mengalami penderitaan hasil daripada jajaan jenis autoritarian. Variasi huraian jenis ini dipanggil juga dengan nama teori pindahgantian (*displacement*), teori lempar-salah (*scapegoating*), teori katarsis, atau teori personaliti autoritarian.

Mengikut pendekatan ini, faktor penyebab utama ialah agresif yang dialami dalam sejarah hidup individu. Faktor ini menjadi asas dan menghuraikan tingkat laku agresif antara kelompok. Sesungguhnya, agresif merupakan satu akibat kekecewaan yang dialami oleh individu tetapi sekiranya kekecewaan seseorang itu hendak dianggap sebagai menjejaskan hubungan antara kelompok dan memungkinkan kewujudan sikap negatif terhadap kelompok luar maka perlulah kekecewaan itu dikongsi bersama oleh ahli-ahli kelompok itu dan dipersepsikan pula sebagai satu isu dalam interaksi kelompok. Sama ada interaksi difokuskan kepada isu-isu dalam atau antara kelompok, aliran dan sikap ahli-ahli bukanlah wujud daripada

kekosongan. Seterusnya, masalah tingkah laku bukanlah pula masalah tingkah laku seorang atau beberapa orang yang melencong (*deviates*). Sumbangan sebenarnya kekecewaan sebagai satu faktor boleh dikaji hanya dalam kerangka hubungan dalam kelompok dan antara kelompok.

Pendekatan teoritikal yang ketiga memberi fokus khususnya kepada proses yang berlaku dalam kelompok berkenaan. Adalah diandaikan bahawa langkah-langkah yang dilakukan untuk meningkatkan kerjasama dan harmoni dalam kelompok boleh juga dipraktikkan untuk tujuan yang sama dalam konteks antara kelompok. Pendekatan ini mengandaikan bahawa norma dan kebiasaan dalam kelompok seolah-olah seperti barangan yang boleh ditukar ganti. Kemungkinan besar sekiranya kedua-dua kelompok sudah berbaik-baik maka kerjasama dan harmoni antara kelompok sudah pasti dapat memberi sumbangan dalam usaha menyelesaikan masalah sepunya antara kelompok. Namun demikian terdapat juga kes-kes yang kerjasama dan harmoni dalam kelompok membawa kepada keadaan persaingan dan konflik apabila interaksi antara kelompok bersifat negatif dan tidak cocok.

Ketiga-tiga pendekatan di atas ini boleh diterapkan kepada keadaan-keadaan yang sesuai dengan mengambilkira kelemahan-kelemahan yang disarankan. Jika ingin lebih mantap lagi, faktor-faktor lain perlu juga diambilkira untuk menghuraikan hasil dan trend antara kelompok. Antara faktor-faktor itu ialah jenis kepemimpinan, darjah perpaduan, jenis norma dalam kelompok, jangkaan daya kekuatan dan pemilikan sumber secara relatif antara kelompok, dan tahap kematangan untuk menilai dan mengukur nilai dan hak mereka dalam hubungannya dengan kelompok lain. Teori-teori mengenai hubungan antara kelompok yang mengutamakan satu faktor sahaja sebagai penentu konflik atau harmoni antara kelompok mungkin dapat menghuraikan kes-kes tertentu sahaja kerana secara sendirian faktor-faktor ini tidak dapat menentukan tingkah laku antara kelompok bagi suatu masa yang tertentu. Kesemuanya menyumbang tetapi dengan kadar yang berbeza pada masa yang berbeza. Tingkah laku kelompok pada suatu masa tertentu boleh dihuraikan hanya dalam konteks keseluruhan kerangka rujukan dalam mana semua faktor berfungsi secara saling ketergantungan. Pendekatan eklektif ini cuba diterapkan dalam kajian ini.

## METODOLOGI

### SUMBER BAHAN KAJIAN

Episod-episod hubungan antara kelompok dikumpulkan daripada teks Sejarah Melayu versi W.G. Shellabear (1983). Sejarah Melayu dianggap sebagai sebuah karya Melayu klasik yang mempunyai nilai paling tinggi

dari segi pensejarahan Tanah Melayu. Tema utama dalam teks ini ialah mengenai kesultanan Melaka di zaman kegemilangannya. Kandungannya memerihalkan tentang jurai keturunan raja-raja Melayu dan pertalian di antara raja-raja tersebut di samping memperlihatkan hubungan di antara raja-raja Melayu dengan raja-raja lain di rantau ini.

#### CARA MEMPEROLEHI DAN MENGANALISIS DATA

Unit analisis dalam kajian ini ialah hubungan antara kelompok. Hubungan-hubungan ini dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan cara analisis kandungan (*content analysis*). Kerlinger (1973) mendefinisikan analisis kandungan sebagai sesuatu yang lebih daripada hanya kaedah menganalisis. Ia juga merupakan satu kaedah pemerhatian. Penyelidik tidak memerhatikan tingkah laku manusia secara langsung, atau meminta mereka memberi respons kepada sesuatu skala, atau menemubual mereka, malah penyelidik mengambil komunikasi yang telah dihasilkan dan menanyakan beberapa soalan ke atas komunikasi itu.

Proses analisis kandungan ini melibatkan enam tahap. Pertama, pengkaji bermula dengan permasalahan kajian, merujuk kepada teori dan mencipta hipotesis. Kedua, pemilihan sampel dan unit analisis diikuti dengan pendefinisian kategori-kategori hubungan ditentukan. Ketiga, membaca dan mengekod hubungan berdasarkan peraturan-peraturan yang objektif. Keempat, mencungkil peristiwa-peristiwa yang mempunyai hubungan dengan masalah kajian serta membentuk jadual. Kelima, memasukkan aspek-aspek psikologi lainnya seperti yang dibincangkan dalam bahagian 'Pendekatan teoritikal'. Keenam, mentafsir keputusan berdasarkan kepada teori atau konsep yang sesuai.

#### KEPUTUSAN

Daripada teks Sejarah Melayu telah dikenalpasti sejumlah 5 hubungan antara kelompok yang boleh dikategorikan kepada dua jenis hubungan. Pertama, hubungan antara kelompok Melayu dengan suku-suku 'Melayu' lain dan kedua, hubungan antara kelompok Melayu dengan bukan Melayu. Jumlah inilah yang dijadikan bahan untuk dianalisis seterusnya. Taburan hubungan itu dipersembahkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Taburan Hubungan antara Kelompok: Melayu dengan Suku-suku 'Melayu' Lain dan Melayu dengan Bukan Melayu

Melayu dengan suku-suku Melayu		Melayu dengan Bukan Melayu	
Pahang	4 kali	Siam	8 kali
Pasai	3 "	Keling	6 "
Kampar	2 "	Feringgi	4 "
Perlak	2 "	Majapahit	4 "
Siak	2 "	Cina	3 "
Minangkabau	1 "	Jedah	2 "
Bentan	1 "		
Rekan	1 "		
Brunei	1 "		
Haru	1 "		
Campa	1 "		
Mengkasar	1 "		
Manjung	1 "		
Kelantan	1 "		
Patani	1 "		
Kedah	1 "		
Jumlah	24 kali	Jumlah	27 kali

Daripada Jadual 1 didapati bahawa jumlah hubungan antara Melayu dengan suku-suku 'Melayu' lain ialah sebanyak 24 kali sementara jumlah hubungan antara Melayu dengan bukan Melayu ialah 27 kali.

Seterusnya, kesemua 51 hubungan antara kelompok itu dikelaskan pula mengikut ciri hubungan itu. Jadual 2 menunjukkan taburan hubungan-hubungan itu mengikut ciri-cirinya.

JADUAL 2. Taburan Hubungan antara Kelompok mengikut Ciri-ciri Hubungan

Ciri Hubungan	Frekuensi
Peperangan	23
Perkahwinan	10
Bernobat/Mengadap/Identifikasi kerana status	7
Pendidikan/Penyelesaian Masalah	4
Persahabatan	2
Perdagangan	2
Persaingan	2
Lain-lain	1
Jumlah	51

Sebahagian besar hubungan itu dicirikan oleh peperangan, diikuti oleh perkahwinan, bernobat dan mengadap, pendidikan dan penyelesaian masalah, dan persahabatan, perdagangan dan persaingan.

## PERBINCANGAN

Kita harus merujuk kembali kepada teks Sejarah Melayu yang menjadi sumber kepada data yang dianalisis. Teks ini mendasarkan perkembangan cerita bukan kepada satu watak utama sahaja tetapi terdapat banyak watak yang wujud. Namun demikian, satu ciri kesepunyaan di antara watak-watak yang banyak itu ialah sifat ke Melayuannya yang dapat kita abstraksikan menjadi sebagai pembolehubah utama dalam kajian ini.

Asas pokok ceritanya boleh dibahagikan kepada tiga: pendahuluan, perkembangan dan akhiran. Peringkat pendahuluan terkandung dalamnya (1) asal usul rumpun Melayu dengan kontrak antara raja dengan rakyat, (2) perjalanan untuk membina negara-negara sebelum Melaka, dan (3) pembukaan dan permulaan Melaka. Peringkat perkembangan mengandungi (4) kegemilangan Melaka, dan (5) perhubungan Melaka dengan negara-negara luar dan daerah sekitarnya. Peringkat akhiran pula mengandungi (6) keretakan di Melaka, dan (7) kejatuhan Melaka (Ali Ahmad 1977). Di dalam peringkat-peringkat asas inilah wujudnya hubungan di antara watak-watak dan negara-negara yang terlibat.

Daripada hubungan-hubungan yang diselidiki didapati dua perkara agak ketara kepada orang Melayu. Pertama, sifat kepatuhan dan taat setia. Kedua, kesedaran tentang status kedudukan bukan sahaja antara raja dengan rakyat malah antara seorang raja dengan seorang raja lain.

Kedua-dua perkara ini mungkin dapat disusurgalur asalnya daripada perjuangan atau ikrar yang dimeterikan di antara Sang Sapurba (yang dianggap oleh Demang Lebar Daun sebagai Yang Dipertuan, iaitu raja) dengan Demang Lebar Daun (iaitu mewakili rakyat, hamba). Di antara isi-isi persetujuan itu ialah (Shellabear 1983: 19 – 20):

1. permintaan Demang Lebar Daun agar Sang Sapurba dan anak cucunya tidak memberi malu kepada hambanya, walaupun telah melakukan dosa besar kepada sultan.
2. permintaan Sang Sapurba agar semua hamba rakyat taat setia walaupun raja itu zalim.
3. perjanjian itu hendaklah dihormati oleh kedua-dua pihak.
4. tidak ada kuasa yang boleh merubah kedudukan ini melainkan kuasa Allah.

Hasil daripada persetujuan ini kedua-dua pihak berpegang teguh kepadanya, betul-betul mengikut dan menepatinya. Kesannya kedua-dua pihak saling menghargai, menghormati kedudukan masing-masing dan

sanggup berkorban. Selalu diingatkan bahawa “pantang anak Melayu menderhaka”. Frasa seperti ini memainkan peranan dari segi memperkukuhkan lagi persetiaan yang dibuat tadi dan secara tidak langsung persetiaan itu diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi lain. Kepatuhan dan ketaatsetiaan manusia Melayu itu menjadi sesuatu yang seakan-akan semulajadi. Selagi wujud sistem raja-rakyat maka selagi itulah berterusan fenomena patuh dan taat setia itu. Dari sini juga kita dapat jejak kesedaran status yang berbeza di antara raja dengan rakyat kerana dalam perjanjian itu, secara jelas fenomena ini diulang dan diperkukuhkan. Seolah-olah antara kedua-duanya, iaitu patuh dan taat setia dan kesedaran status yang berbeza saling melengkapi dan saling memperkukuhi. Kepatuhan itu melibatkan proses ikatan dan rela hati yang diperkukuhkan pula oleh keistimewaan yang diterima daripada pemerintah seperti persalinan. Pujian dan seumpamanya merupakan pengukuh positif terhadap tingkah laku patuh dan taat setia itu. Secara tidak langsung juga ia memperkukuhkan kewujudan kesedaran tentang status yang berlainan antara rakyat dengan raja.

Taat setia kepada raja juga melibatkan proses identifikasi diri dengan raja dan keinginan bertindak bagi pihak raja. Lantaran demikian, suruhan raja tidak pernah diingkari sama ada suruhan itu dalam bentuk memerangi sebuah negara lain, memperolehi sesuatu yang sukar atau apa saja.

Hubungan antara Melaka dengan negara-negara yang sama tarafnya dihuraikan sebegitu nyata dan berbeza dengan hubungan dengan negara-negara lain. Hal ini jelas daripada huraian menyambut utusan yang penuh dengan adat istiadat bagi negara yang sama taraf (misalnya Haru dan Pasai) tetapi ala kadar sahaja bagi negara yang rendah tarafnya. Dari sini dapat kita rasakan bahawa kesedaran tentang kewujudan status yang berlainan itu bukan sahaja di antara raja dengan rakyat tapi juga di antara raja dengan raja lain. Hubungan dalam bentuk perkahwinan juga dapat kita analisis sebagai digerakkan oleh kesedaran status ini. Kesedaran status inilah yang tersirat dalam minda manusia Melayu yang seterusnya diperlihatkan dalam bentuk berbaik-baik, bersahabat, bekerjasama dan menolong.

Berasaskan kepada patuh dan taat setia serta kesedaran tentang kewujudan status yang berlainan itu sebenarnya telah memandu tingkah laku manusia Melayu berinteraksi dengan kelompok lain, tidak kira sama ada kelompok itu ialah suku-suku ‘Melayu’ lain ataupun bukan Melayu.

Dalam konteks hubungan dengan bukan Melayu didapati lazimnya *assimilasi* ditekankan. Hal ini sejajar dengan keperluan kepada patuh dan taat setia di mana mereka yang tertakluk seharusnya “ikut kata” sepenuhnya kepada orang yang menaklukinya. Apabila hal ini berlaku maka tersempurnalah ciri yang satu lagi iaitu kesedaran tentang kewujudan status yang berbeza di antara mereka yang tertakluk dengan mereka yang menakluk.



## PENUTUP

Dapatlah disimpulkan bahawa dua ciri yang bermula daripada perjanjian di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun, iaitu:

1. patuh dan taat setia; dan
2. kesedaran tentang kewujudan perbezaan status; telah menjadi penggerak utama kepada semua bentuk hubungan antara kelompok, sama ada sesama kelompok Melayu mahupun dengan kelompok bukan Melayu.

Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, pertama, analisis hubungan antara perseorangan perlu dibuat kerana hubungan ini dapat dijadikan asas untuk membantu memahami hubungan antara kelompok. Kedua, teks-teks lain yang mewakili tahap seterusnya perkembangan dan pertumbuhan masyarakat Melayu perlu dikenalpasti dan dianalisis untuk melihat trend yang diamati dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Freedman, J.L., Carlsmith, J.M., & Sears, D.O. 1970. *Social Psychology*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*, Edisi Kedua. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Shellabear, W.G. 1983. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jabatan Psikologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E.